

FTA dan gas isu berbeza – Duta AS

um- 6/2/2007

SINTOK 5 Feb. – Amerika Syarikat (AS) akan menggunakan saluran berasingan bagi membincangkan isu yang dibangkitkan Ahli Kongres kanannya, Tom Lantos berhubung saranan untuk menghentikan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bersama kerajaan Malaysia.

Duta Besar AS ke Malaysia, Christopher J. LaFleur berkata, perjanjian gas antara Malaysia dan Iran merupakan isu berbeza dan di luar tajuk rundingan FTA serta memerlukan platform berlainan untuk berkomunikasi dengan Malaysia berhubung perkara terbabit.

Menurutnya, beliau percaya gesaan Lantos itu tidak akan menjejaskan rundingan FTA malah wakil perunding AS sendiri bertegas untuk meneruskan perbincangan yang masuk pusingan kelima di Kota Kinabalu, Sabah, minggu ini.

Beliau juga berharap wakil perunding akan berusaha menyelesaikan tugas yang diberikan kepada mereka dalam usa-

ha mewujudkan perjanjian bebas cukai terbaik yang boleh memanfaatkan kedua-dua negara.

“Seperti yang dimaklumkan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR), Susan Schwab semalam, gesaan Lantos akan dikaji secara teliti oleh pihak pentadbiran AS kerana beliau merupakan seorang pemimpin yang berpengaruh dan penting dalam Kongres,” katanya.

LaFleur berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan wacana bertajuk *Amerika Syarikat dan Malaysia pada 2007: Fokus terhadap Hubungan Politik, Ekonomi dan Komersial* di Pusat Konvensyen Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.

Lantos menimbulkan rasa marah Malaysia apabila beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan AS mahukan pentadbiran Presiden George W. Bush menggantung rundingan FTA dengan Malaysia, sebagai memprotes

tindakan negara ini menandatangani perjanjian gas dengan Iran bernilai RM57.6 bilion (AS\$16 bilion).

LaFleur berkata, FTA boleh menjadi satu kejayaan besar terutama dalam hubungan ekonomi dua hala dan dijangka menjadi titik perubahan untuk Malaysia seperti yang dilakukan lebih 35 tahun lalu.

Beliau memberi contoh tentang pelaburan pertama AS pada awal tahun 70-an dengan pengenalan syarikat besar seperti Intel dan Hewlett-Packard yang membawa masuk teknologi tinggi ke negara ini.

Tambahnya, sebanyak 18 firma AS terlibat secara langsung dalam industri elektronik dan semikonduktor yang menyumbang kira-kira satu per lima daripada jumlah keseluruhan eksport negara tahun lalu.

Pada masa yang sama, LaFleur menjelaskan, pihak pentadbiran AS tidak berhasrat memaksa Malaysia membuat sesuatu keputusan dengan tergesa-gesa bagi menyelesaikan rundingan FTA sebelum Jun ini.

Namun realitinya, kata beliau, selepas tempoh itu pihak pentadbiran negara itu akan menghadapi masalah menyelesaikan rundingan dengan Malaysia mahupun negara lain dengan efektif.

“Perundingan perdagangan merupakan sesuatu yang ‘istimewa’ dalam perlembagaan AS dengan mekanisme berbeza iaitu Ahli Senat hanya perlu mengundi sama ada bersetuju atau tidak untuk meluluskan sebarang perundingan yang dilaksanakan oleh Presiden mahupun pegawainya dengan negara luar.

“Ini dilakukan agar AS dapat menjadi rakan kongsi perdagangan yang efektif kepada negara lain.

“Apa yang saya cuba jelaskan di sini, kuasa yang ada pada Presiden Bush buat masa ini akan tamat pada akhir Jun, oleh itu kita menghadapi masalah berhubung had masa, justeru kita berharap rundingan dapat dilakukan dengan lancar dan segera,” jelasnya.